

**UNDAN PARUH PUTIH**  
Spot-billed Pelican

FAMILI: Pelecanidae

NAMA SAINTIFIK: *Pelecanus philippensis*

**CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa di luar musim membiak, ia seakan-akan sama dengan Undan Putih, *P.onocrotalus*, tetapi ia agak bersaiz kecil, warna keseluruhan badan agak lusuh bahagian belakang kepala dan belakang tengkuk yang kotor, paruh berwarna merah jambu-kekuningan dengan bintik-bintik gelap sepanjang paruh atas, warna leher adalah merah jambu dengan bintik-bintik kecil yang berwarna ungu kekelabuan. Diperhatikan di bahagian bawah paruh sehingga bahagian leher berwarna biru kehitaman ke keunguan manakala bahagian kaki adalah berwarna kehitaman. Semasa ia terbang, ia menunjukkan warna yang lebih kelabu di bahagian atas dan bawah sayap. Bagi burung dewasa dalam musim membiak, bahagian tongkeng, ekor dan bawah sayap berwarna coklat-merah jambu lusuh, bahagian bawah badan pula berwarna merah jambu pudar dengan bahagian bawah leher serta atas dada terdapat tompokan berwarna kuning-kuning pucat. Bagi burung juvenil pula, ia seakan-akan sama dengan burung dewasa di luar musim membiak tetapi bahagian tepi kepala, belakang tengkuk, bawah tengkuk dan atas sayap berwarna lebih coklat. Bahagian paruh berwarna kuning dengan tidak terdapat bintik-bintik, bahagian leher berwarna merah jambu lusuh, bahagian bawah paruh hingga bahagian atas leher agak lusuh manakala bahagian kaki berwarna kelabu-merah jambu. Semasa terbang, bahagian sayap menunjukkan warna coklat. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 127-140 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan ikan sebagai makanan utama.

**HABITAT**

Spesies ini menghuni pelbagai jenis habitat di tanah lembab yang berdekatan dengan pantai dan jua tanah rendah.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Ogos hingga bulan Mei pada sepanjang tahun, secara berkoloni. Sarang adalah berbentuk struktur yang besar yang dibina di pokok dan ketinggian sarang adalah sehingga 30 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 3-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih kotor. Anggaran saiz telur adalah 78.8 x 53.4 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya ;  
IUCN, mudah terancam.